



23 JUL, 2022

## Nilai jualan usahawan Sarawak FAMA cecah RM483 juta

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

### Nilai jualan usahawan Sarawak FAMA cecah RM483 juta

**KUCHING:** Nilai jualan direkodkan oleh usahawan Sarawak yang menyertai program anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) pada tahun lepas mencecah RM483 juta.

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razali berkata, jumlah itu melibatkan penyertaan 6,760 usahawan.

"Sebanyak 13 projek dilaksanakan oleh FAMA pada tahun lepas untuk membantu usahawan tani di negeri ini.

"Secara keseluruhan juga sebanyak 210 cawangan berkaitan industri pertanian dan

perniagaan di bawah FAMA telah dibuka di sini pada tahun lepas," katanya kepada pemerhati selepas mengadakan kunjung hormat kepada Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg di Wisma Bapa Malaysia di sini pada Khamis.

Tambah beliau, Medan Niaga Satok terutamanya di kawasan benteng yang sedia ada akan dinaik taraf sebagai tarikan agropelancongan di mana pengunjung boleh mendapatkan hasil pertanian, makanan dan juga melakukan aktiviti hiburan siang dan malam.



23 JUL, 2022

## Nilai jualan usahawan Sarawak FAMA cecah RM483 juta

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUCHING: Nilai jualan direkodkan oleh usahawan Sarawak yang menyertai program anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) pada tahun lepas mencecah RM483 juta. Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razali berkata, jumlah itu melibatkan penyertaan 6,760 usahawan."Sebanyak 13 projek dilaksanakan oleh FAMA pada tahun lepas untuk membantu usahawan tani di negeri ini.